



## **JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**ULAMA PEWARIS PARA NABI**

**Tarikh Dibaca:**

**14 REJAB 1445H /  
26 JANUARI 2024**

**Disediakan oleh:**

**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## ULAMA PEWARIS PARA NABI

26 JANUARI 2024 / 14 REJAB 1445H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ⑥ (سورة الزمر)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللّٰهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللّٰهُ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أَوْصِيْكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini khatib ingin membicarakan khutbah bertajuk: “**Ulama Pewaris Para Nabi**”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan seluruh umat Islam untuk terus mendoakan penduduk Palestin yang kini teruk ditindas oleh rejim zionis Israel. Sudah lebih 100 hari perang berlangsung sejak Operasi Taufan al-Aqsa dan kini, kemusnahan harta benda,

kehilangan nyawa sudah tidak terjumlah lagi kerugiannya. Berdoalah kepada Allah SWT memohon pertolongan buat mereka dan janganlah lupakan mereka. Semoga mereka semua diberi kekuatan, kesabaran, dan kemenangan dalam mematahkan segala muslihat dan tipu daya musuh. *Insya-Allah.*

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Para ulama memiliki kedudukan yang tinggi dan mulia di sisi Allah SWT. Mulianya mereka kerana meneruskan kerja para nabi iaitu mengajak manusia ke jalan Allah SWT. Oleh sebab itu, Allah SWT membezakan antara orang yang berilmu (ulama) dan orang yang tidak berilmu sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-Mujadalah ayat 11:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ عَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَتٍ

**Maksudnya:** “Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) dengan beberapa darjat”.

Selain itu, Rasulullah SAW mengiktiraf para ulama sebagai pewaris para nabi sebagaimana disebut dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abi al-Darda' RA yang berkata, “aku mendengar Nabi SAW bersabda:

وَإِنَّ الْعُلَمَاءَ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنَّ الْأَنْبِيَاءَ لَمْ يُورِثُوا دِينَارًا، وَلَا دِرْهَمًا وَرَثُوا الْعِلْمَ، فَمَنْ أَخْذَهُ أَخْذَ بَحْظٍ وَافِرٍ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya ulama ialah pewaris para nabi. Sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar atau dirham. Akan tetapi mereka mewariskan ilmu, maka barangsiapa yang mengambil warisan tersebut, maka dia telah mengambil bahagian yang banyak”. (**Hadis riwayat Abu Daud**)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Adab dan nilai sopan santun manusia semakin terhakis dari zaman ke zaman. Mereka bukan sahaja berani menyanggah pandangan ulama hari ini, malah lebih menyedihkan apabila mereka turut berani menyanggah imam-imam mujtahid seperti Imam al-Syafi'e dan seumpamanya. Dan kita pada hari ini sudah pun menyaksikan kebenaran sabda

Rasulullah SAW yang diriwayatkan dari Saidatina A'isyah *radhiyallahu 'anha* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

*"Tidak akan binasa umat ini sehingga generasi akhirnya melaknat generasi awalnya (daripada kalangan orang-orang soleh/ para sahabat radhiyallahu 'anhuma/ ulama' dan awliya)".* (**Hadis riwayat Imam al-Tabarani**)

Masyarakat hari ini semakin berani menyanggah dan mencela para ulama yang memberi nasihat dan teguran dalam menyatakan kebenaran dan menolak maksiat serta kebatilan. Ulama-ulama tidak lagi dihormati. Nasihat-nasihat mereka tidak diendahkan malah disanggah tanpa adab. Para ulama dilempar dengan tuduhan-tuduhan yang keji. Para ulama ditertawakan kerana menyatakan pandangan. Bahkan lebih menyedihkan, masyarakat awam juga berani menuduh sesat dan mengkafirkan ulama. Keadaan ini telah pun diperingatkan oleh Baginda Rasulullah SAW tentang cabaran bagi orang-orang yang *istiqamah* mempertahankan kebenaran laksana menggenggam bara api. Sabda Rasulullah SAW:

*يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ الصَّابِرُ فِيهِمْ عَلَى دِينِهِ كَالْقَابِضِ عَلَى الْجِنَاحِ*

**Maksudnya:** *"Akan datang satu zaman, mereka yang bersabar (dalam berpegang kepada agama) adalah seumpama mereka yang menggenggam bara api".* (**Hadis riwayat al-Tirmidzi**)

### **SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,**

Sedarlah bahawa para ulama merupakan pewaris para nabi. Mereka pembimbing menuju jalan yang diredhai Allah SWT. Mereka umpsama cahaya yang menyuluh ketika gelapnya malam. Mereka ibarat pelita yang menerangi hidup kita. Tanpa adanya cahaya, kita tidak akan sampai kepada jalan yang hendak dituju. Hari ini, telah banyak ulama pergi meninggalkan kita. Hanya tinggal sebilangan ulama yang kita masih berharap kepada bimbingan dan nasihat mereka untuk meneruskan kehidupan yang semakin samar dengan fitnah-fitnah yang mengelirukan.

Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru bin al-'As RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ اِنْتِزَاعًا يَنْتَزِعُهُ مِنَ الْعِبَادِ وَلَكِنْ يَقْبِضُ الْعِلْمَ بَقْبَضِ الْعُلَمَاءِ

**Maksudnya:** “Sesungguhnya Allah SWT tidak menghapus ilmu pengetahuan dengan cara mengambil sekaligus daripada hamba-hamba-Nya. Tetapi Allah SWT menghapus ilmu pengetahuan itu dengan kematian ulama”. (**Hadis riwayat Imam Muslim**)

Hargailah para ulama dan dengarlah nasihat-nasihat mereka. Akhirnya nanti, percayalah bahawa suatu masa nanti kita akan merasai berapa pentingnya cahaya ketika gelapnya dunia.

Justeru, bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib meninggalkan beberapa pesanan buat renungan kita bersama:

**Pertama:** Para ulama memiliki kedudukan yang tinggi dan istimewa di sisi Allah SWT bahkan diiktiraf sebagai pewaris tugas para Nabi dan Rasul.

**Kedua:** Masyarakat hari ini semakin ketandusan adab dan hormat terhadap para ulama sehingga berani mencela, mentertawakan dan menyanggah para ulama.

**Ketiga:** Hargailah keberadaan ulama yang ada ketika ini kerana malapnya dunia kerana semakin berkurangnya cahaya. Nanti kita akan merasa betapa pentingnya cahaya saat kegelapan melanda.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Sajdah ayat 24:

وَجَعَلْنَا مِنْهُمْ أَئِمَّةً يَهْدِونَ بِأَمْرِنَا لَمَّا صَبَرُوا وَكَانُوا إِيمَانِنَا يُوقِنُونَ ﴿٢٤﴾

**Maksudnya:** “Dan Kami jadikan dari kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersikap sabar (dalam menjalankan tugas itu) serta mereka tetap yakin akan ayat-ayat keterangan Kami”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَآيَاتِكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِيلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتِهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِاِمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى  
النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ⑤٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكَتْ عَلٰى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ  
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةَ مَلَكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِ مَهَا  
مُولِيَا سَرِي قَدُوكَ بِكِينِدا يَعِ دُفْرُتوَنَ اكْنُوَغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللّٰهِ رِعَايَاَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى  
بِاللّٰهِ شَاهِ بْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجَ أَحْمَدَ شَاهِ الْمُسْتَعِنِ بِاللّٰهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِ مَهَا مُولِيَا سَرِي قَدُوكَ بِكِينِدا رَاجِ فَرْمَايُوسُورِي اكْنُوَغْ، تُونِكُو  
عَزِيزِهِ أَمِينِهِ مِيمُونَهِ إِسْكَنْدَرِيَهِ بَنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلٰى اللّٰهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ  
الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَرَاءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعِلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمِئِنًا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّنْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلْمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِلِينَ، الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْرَانًا الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ عَلَيْكَ  
بِهِمْ، فَإِنَّهُمْ لَا يُعْجِزُونَكَ، اللَّهُمَّ شَتَّ شَمْلَهُمْ وَفَرَقْ جَمْعَهُمْ وَاجْعِلْ الدَّائِرَةَ عَلَيْهِمْ،  
اللَّهُمَّ أَحْصِهِمْ عَدْدًا، وَاقْتُلْهُمْ بَدْدًا، وَلَا تُغَادِرْ مِنْهُمْ أَحَدًا، اللَّهُمَّ أَنْزَلْ عَلَيْهِمْ وَعَلَى مَنْ  
عَاوَنَهُمْ، بَاسْكَ الَّذِي لَا يُرِدُّ عَنِ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ أَرْسِلْ عَلَيْهِمْ طَيْرًا أَبَابِيلَ،  
تَرْمِيهِمْ بِحَجَارَةٍ مِنْ سَبِيلٍ، فَجَعَلُهُمْ كَعَصْفٍ مَأْكُولٍ.

اللَّهُمَّ انصُرْ إِخْرَانًا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِ أَعْدَاءِنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّهِمْ. اللَّهُمَّ بَدِدْ شَمْلَهُمْ، وَفَرِقْ  
جَمْعَهُمْ وَشَتَّ كَلْمَتَهُمْ، وَزَلْزَلْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلَطْ عَلَيْهِمْ كَلَبًا مِنْ كَلَابِكَ، يَا قَهَارَ، يَا  
جَبَّارَ، يَا مُنْتَقِمَ يَا اللَّهُ. اللَّهُمَّ يَا مُنْزَلَ الْكِتَابِ، يَا مُجْرِي السَّحَابِ، يَا هَازِمَ الْأَخْرَابِ،  
إِهْزِمْ أَعْدَاءَ الْمُسْلِمِينَ، إِهْزِمْهُمْ! وَانْصُرِ الْمُسْلِمِينَ عَلَيْهِمْ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمَحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا  
وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدَنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بَلَدَانَ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦﴾

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَةِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.